

15/05/1997

Jaminan Dr M legakan bakal pelabur Bakun

Kadir Dikoh

JAMINAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kerajaan akan memberi segala sokongan untuk memastikan projek empangan Bakun siap dan beroperasi pada 2003, berjaya mengurangkan kebimbangan bakal pelabur.

Beberapa penganalisis pasaran saham yang dihubungi semalam melahirkan keyakinan bahawa sokongan penuh kerajaan dapat mengimbangi bentuk risiko yang menyelubungi pelabur sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun, sebahagian besar penganalisis yang dihubungi mengunjurkan catatan premium untuk Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHEC) iaitu pemaju projek, tidak akan naik secara mendadak sebaik sahaja disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) nanti.

"Saya meramalkan premium yang sederhana 70 berbanding harga tawaran RM2 sesaham apabila ia mula diuruskan kerana projek ini membabitkan modal besar," kata seorang pengurus penyelidikan di sebuah firma sekuriti tempatan.

Menurut beliau, faktor lain yang mendorong ke arah itu ialah projek berkenaan hanya beroperasi dalam tempoh enam tahun mulai sekarang dan ia kurang menarik bagi pelabur jangka pendek.

Begitu pun katanya, keadaan itu harus menarik minat pelabur institusi kerana bentuk pelaburan berjangka panjang.

"Risiko untuk projek sebesar ini memang tinggi kerana saiz modal besar.

"Memang bentuk industrinya pula memerlukan belanja besar.

"Kita tengok syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) memerlukan pelaburan besar untuk membeli pesawat.

"Begitu juga Bakun. Tetapi dengan jaminan bank dan sokongan kerajaan, saya yakin Bakun akan berjaya serta berupaya mengetepikan kebimbangan pelabur.

"Saya rasa selesa dengan komitmen kerajaan itu," katanya.

Seorang penganalisis di Philleo Allied Securities Sdn Bhd pula meramalkan saham BHEC yang prospektusnya dikeluarkan akhir bulan ini, terlebih langganan sepenuhnya.

Beliau menyifatkan harga tawaran RM2 sesaham sebagai wajar dan menjangka catatan premiumnya mirip seperti Powertek Bhd (Powertek) apabila diurusniagakan nanti.

Powertek, pengeluar tenaga bebas (IPP) yang muncul sebagai syarikat projek infrastruktur (IPC) pertama disenaraikan Ogos tahun lalu, mencatat premium RM3.30 apabila dibuka pada RM7.20 berbanding harga tawaran RM3.90.

Satu lagi IPP iaitu Lingkaran Trans Kota Holdings Bhd (Litrak), syarikat IPC kedua disenaraikan selepas Powertek, mencatat kenaikan 55.5 peratus atau premium pembukaan RM2 apabila dibuka pada RM5.60 berbanding harga tawaran RM3.60 di BSKL Disember lalu.

Seorang penganalisis kanan sebuah lagi firma sekuriti berkata, pelabur kurang gemar terhadap syarikat IPC kerana belum terbukti rekod kerjanya disebabkan ia bersifat unjuran perolehan pada masa akan datang.

"Berdasarkan hakikat berkenaan, saham BHEC kemungkinan besar dibuka dengan premium sederhana.

"Paling tinggi dalam tempoh terdekat ialah RM5 sesaham.

"Ini sudah terbukti melalui dua lagi syarikat IPC iaitu Powertek dan Litrak.

"Selain itu, pelabur bimbang mengenai kos lebih mungkin berlaku dalam operasi penyaluran tenaga menerusi kabel dasar laut dari Sarawak ke Mersing.

"Begitu pun, saya yakin projek Bakun akan berjaya berdasarkan sokongan serta komitmen kerajaan serta soal pokok yang diperhatikan oleh pelabur sekarang ialah keuntungan," katanya.

(END)